

09/09/2000

PM rasmi persidangan media antarabangsa

SHAH ALAM, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan 'Konvensyen Antarabangsa Mengenai Peranan Media di Negara-negara Berkecuali' yang dijadual diadakan di Hotel Grand Blue Wave di sini, 20 September ini.

Konvensyen empat hari itu disertai pelbagai persatuan wartawan dan pengamal media tempatan serta negara berkecuali.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata, program anjuran Persatuan Wartawan Melayu (PWM) dengan kerjasama Organisasi Belia dan Pelajar Negara-negara Berkecuali (Nasyo) serta Kerajaan Selangor, bertujuan membincangkan peranan media di negara berkecuali.

Selain itu, konvensyen bertujuan melihat sejauh mana media di negara berkecuali mengendalikan dunia kewartawanan dalam menyalurkan maklumat sebenar secara tepat.

"Konvensyen ini akan mendedahkan keadaan dan hakikat sebenar manipulasi media Barat terhadap negara berkecuali termasuk Malaysia," pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Selaku tuan rumah, Mahadzir yang juga Pengerusi Jawatankuasa konvensyen itu berkata, ramai pengamal media tempatan dan pelajar khususnya jurusan berkaitan media dijangka menyertainya.

Antara yang akan membentangkan kertas kerja ialah Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee, Presiden Persatuan Wartawan Singapura, Razali Monthel dan Setiausaha Tetap Persatuan Wartawan Asean, Dr Abdul Razak.

"Sasaran konvensyen ini ialah golongan muda bagi mendedahkan mereka mengenai peranan sebenar media selain mendengar pandangan semua pihak mengenai media masa kini," katanya.

(END)